

# Survival politik Melayu terjamin

UM 10 OCT 2003

**K**UALA LUMPUR 9 Okt. — Kepimpinan negara dan UMNO di bawah Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi diyakini akan terus berjaya memperjuangkan survival politik dan ekonomi kaum Melayu di negara ini.

Ketua Eksekutif Institut Pembangunan Minda (Inmind), Datuk Dr. Zambry Abdul Kadir berkata, sejarah telah membuktikan bahawa kemunculan pemimpin terdahulu yang tidak diberi perhatian telah berjaya melaksanakan tugas mereka melangsungkan survival kaum Melayu dengan baik.

Menurut beliau, kematangan politik Melayu serta kepimpinan UMNO yang masih lagi berteraskan tradisi politik akar umbi akan memastikan perjuangan Melayu tidak akan dikorbankan.

“Perjuangan Melayu itu bukanlah sesuatu yang statik dan pasti akan melalui zaman dinamisnya. Era Abdullah akan meneruskan tradisi ini,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam kertas kerja bertajuk ‘Kelangsung-

an Politik Melayu’ pada Wacana Minda Melayu anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di sini yang berakhir hari ini.

Menurut Zambry, rakyat tidak boleh membanding-bandingkan kepimpinan Abdullah yang belum pun bermula dengan kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir yang menjangkau 22 tahun.

Katanya, setiap pemimpin mempunyai watak dan cara kepimpinan yang tersendiri bagaimanapun setiap mereka mempunyai persamaan iaitu untuk memastikan bahawa politik negara dan survival kaum Melayu terpelihara dan berada di tahap paling baik.

Katanya, bagi memastikan survival politik Melayu yang sekarang didukung oleh UMNO berterusan, pemimpin pelapisnya perlu mempersiapkan diri dengan kehendak semasa kaum Melayu.

Menurut beliau, kemampuan menguasai bahasa Arab merupakan satu kepentingan baru bagi ahli politik Melayu selain bahasa

Inggeris dan bahasa Melayu sendiri.

Zambry memberitahu, pengetahuan untuk menyebut sesuatu perkataan Arab atau al-Quran dengan betul sangat penting untuk berhadapan dengan masyarakat Melayu yang kuat berpegang dengan Islam.

Menurut beliau, begitu juga dengan kepentingan menguasai bahasa Inggeris yang menjadi bahasa pertuturan dunia melalui globalisasi yang mendedahkan negara kepada hubungan antarabangsa.

“Oleh kerana persaingan dalam di kalangan pemimpin generasi muda bukan Melayu yang semakin fasih berbahasa Melayu maka tuntutan untuk menguasai bahasa itu yang betul adalah satu kemestian di kalangan pemimpin Melayu sendiri.

“Oleh itu, bakal pemimpin muda Melayu hendaklah mampu menguasai tiga bahasa utama ini demi survival politik dan juga parti yang diwakili mereka,” ujarinya lagi.